



## KEMENTERIAN KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN WILAYAH

### KENYATAAN MEDIA MEDIA RELEASE

21 MAC 2016

---

#### MAJLIS MENANDATANGANI MEMORANDUM PERSEFAHAMAN (MOU) ANTARA KERAJAAN MALAYSIA (DIWAKILI OLEH KEMENTERIAN KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN WILAYAH) DAN MYTV BROADCASTING SDN BHD

---

**PUTRAJAYA** – Satu Memorandum Persefahaman (MOU) antara Kerajaan Malaysia yang diwakili oleh Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah (KKLW) dan MYTV Broadcasting Sdn Bhd mengenai jalinan kerjasama strategik berdasarkan hasrat Kementerian untuk menyiarkan kandungan dan maklumat mengenai program dan aktiviti KKLW/Jabatan/Agensi di bawahnya dalam bentuk audio visual dan penulisan menerusi medium berupa video, lagu, iklan, *teaser*, *jingle*, *crawler*, rencana, dokumentari, wawancara, drama pendek, drama, filem serta apa juga medium lain yang relevan di atas platform MYTV telah dimeterai hari ini bertempat di Dewan Serbaguna, KKLW, Presint 4.

Pada majlis ini, KKLW diwakili oleh YBhg. Dato' Mohd Arif bin Ab Rahman, Ketua Setiausaha Kementerian manakala pihak MYTV Broadcasting Sdn Bhd diwakili oleh Pengerusinya, YBhg. Dato' Hilmi bin Mohd Noor dan turut disaksikan oleh YB Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob, Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah.

MYTV Broadcasting Sdn Bhd telah dilantik oleh Kerajaan Malaysia untuk membangun dan menguruskan infrastruktur serta kemudahan bagi rangkaian perkhidmatan Penyiaran Televisyen Digital Terrestrial (DTT) di Malaysia bagi melaksanakan penghijrahan sistem penyiaran nasional daripada analog kepada digital menjelang tahun 2018.

Dengan DTT, audiens Malaysia akan menikmati manfaat seperti kualiti gambar dan bunyi yang lebih baik, lebih banyak saluran siaran percuma, akses kepada panduan program elektronik (EPG), sarikata pelbagai bahasa dan berkemampuan untuk menonton TV yang mempunyai kualiti definisi tinggi (HD). Penonton juga mempunyai akses kepada perkhidmatan televisyen interaktif termasuk membeli belah dari rumah, menonton video atas permintaan dan perkhidmatan langganan serta Internet terpilih. DTT juga membantu merapatkan jurang pemisahan digital, terutamanya di kawasan-kawasan terpencil negara. Sehingga Mac 2016, siaran ujian DTT oleh MYTV dipancarkan menerusi 14 transmitter utama di seluruh negara, meliputi 85% kawasan berpenduduk di Malaysia. Menjelang 2018, siaran DTT akan dapat dinikmati oleh 98% kawasan berpenduduk di seluruh negara.

Justeru, jalinan kerjasama ini dilihat sebagai komitmen KKLW dalam usaha Membandarkan Luar Bandar menerusi saluran khas luar bandar. Fokus utama akan diberikan kepada mempromosi dan menghebahkan kepada masyarakat tentang pelaksanaan dan pencapaian enam (6) fokus utama Transformasi Luar Bandar : Membandarkan Luar Bandar iaitu Prasarana Luar Bandar, Pembangunan Belia Luar Bandar, Ekonomi, Keusahawanan, Modal Insan dan Sistem Penyampaian yang meliputi 19 Transformasi keseluruhannya.

Pelancaran rasmi siaran DTT dijadualkan pada suku ketiga tahun 2016 dan serentak dengan itu sebanyak dua juta set dekoder percuma akan diedarkan kepada isi rumah terpilih di seluruh negara dan ini bertepatan dengan hasrat KKLW untuk memastikan dasar-dasar Kerajaan mengenai Pembangunan Luar Bandar dapat sampai kepada segenap lapisan masyarakat.

---

**Unit Komunikasi Korporat**  
**Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah**

**Tel: 03-8891 5940, Faks: 03-8888 2367**

**Emel: [ukk@rurallink.gov.my](mailto:ukk@rurallink.gov.my)**